

21 OCT 2003

Australia-Mahathir/I

PEMBACA AKHBAR AUSTRALIA SOKONG DR MAHATHIR

MELBOURNE, 21 Okt (Bernama) -- Ramai rakyat Australia menyokong ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 Khamis lepas yang telah menimbulkan kemarahan negara-negara Barat.

Mereka yang menulis kepada editor akhbar-akhbar di Australia, berkata Dr Mahathir berhak menyampaikan buah fikirannya kepada dunia dan sesetengah daripada mereka menyatakan ucapan beliau telah ditafsirkan luar daripada konteks sebenarnya.

Dalam sepucuk surat kepada akhbar The Australian, Ian Boyce, dari pinggir Prospect di Adelaide berkata: "Sebarang kenyataan anti-Yahudi mendatangkan respons hebat dalam budaya kita, seperti mencurah-curahnya surat mengenai kebenaran Dr Mahathir."

"Tetapi perlu diingat bahawa berbilion orang, bukan semua mereka orang Islam, bersetuju dengan beliau. Tafsiran kita mengenai apa yang sedang berlaku di dunia adalah berbeza dengan mereka yang berpendapat Israel adalah pembuli.

"Imej budak lelaki melontar batu seperti David menentang Goliath, masih segar dalam ingatan ramai orang dan Dr Mahathir sedar mengenainya," katanya.

Menyatakan kemarahan yang dilepaskan terhadap Dr Mahathir keterlaluan, David Roberts, dari pinggir bandar Watsonia, Melbourne berkata: "Tindakan Dr Mahathir menggesa umat Islam menggunakan akal mereka, bukannya bom, adalah munasabah.

"Kejadian itu menunjukkan sikap berat sebelah media. Sejak serangan pengganas 11 Sept, orang Islam mengalami penindasan teruk. Kenapakah komen negatif yang dilemparkan terhadap agama Yahudi tidak boleh diterima berbanding komen negatif terhadap Islam?"

Indu Abeysekera dari Nedlands, Perth pula berkata: "Perdana Menteri Malaysia Dr Mahathir Mohamad bukannya seratus peratus betul daripada segi politik apabila beliau membuat kesimpulan mengenai kaum Yahudi. Tetapi media, ahli politik dan mereka yang menulis surat untuk menyatakan kemarahan mereka perlu menerima kebenaran.

"Orang Eropah patut rasa bersalah dengan "Holocaust" (kemusnahan), pembunuhan kaum dan ketaksuban mereka terhadap orang Yahudi. Bagaimanapun, ia merupakan masalah besar apabila Barat menjangkakan negara-negara Dunia Ketiga, yang telah dijajah, untuk sama-sama menanggung rasa bersalah orang Eropah itu. Mereka tidak terlibat dalam jenayah itu.

"Dr Mahathir dengan itu, mempunyai perspektif yang amat berbeza. Beliau dan rakyatnya tidak menanggung sebarang rasa bersalah berkaitan dengan Israel atau Yahudi. Bagi mereka, Israel ialah penindas. Adalah lebih baik jika Dr Mahathir menggunakan perkataan lain, tetapi jangan mengecam beliau tanpa berfikir dengan mendalam."

Jessica Gosnell, dari Paradise di Selatan Australia, berkata beliau terkejut dengan respons terhadap ucapan Dr Mahathir, sambil menyatakan sebahagian daripada ucapan itu telah ditafsir luar daripada konteks.

"Beliau menggesa umat Islam untuk mengelakkan pertumpahan darah kerana ia tidak memberikan sebarang manfaat, kecuali kebencian lebih mendalam," beliau menulis kepada The Australian.

"Beliau meminta umat Islam bersatu dan menggunakan akal mereka. Beliau juga mengajak umat Islam kembali mengikuti ajaran sebenar Islam dan mengesampingkan kecemerlangan seperti sebelumnya, dengan mempunyai ramai saintis,

pendeikian dan pakar astronomi terkemuka. Kita patut mengkaji mesejnya dan bukan salah tafsir ucapannya," katanya.

-- BERNAMA
NDC KHY RHM